

Naib Canselor baru UPM, UniSZA diumumkan

Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi mengumumkan pelantikan Naib Canselor baru bagi Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) untuk tempoh tiga tahun, berkuat kuasa Selasa lalu.

Di UPM, Prof Datuk Dr Fauzi Ramlan, 53, akan menggantikan Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi manakala Prof Dr Yahaya Ibrahim, 51, menggantikan Prof Datuk Dr Alias Daud di UniSZA sehingga 31 Disember 2015.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pemilihan Fauzi adalah berdasarkan kriteria ditetapkan kementerian serta mengambil kira pengalaman akademik, penyelidikan, kepakaran dan pengalaman beliau memegang jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM.

Fauzi memiliki Diploma Pertanian dari UPM, Ijazah Sarjana Muda Sains (Agrono-



Fauzi Ramlan

mi) dari Iowa State University, Sarjana Sains dari Louisiana State University dan Doktor Falsafah (PhD) (Biologi) dari University of York.

Cemerlang dalam pertanian Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi kementerian.



Yahaya Ibrahim

“Kecemerlangan beliau dalam bidang pertanian juga mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA). Beliau mendapat biasiswa untuk menerima latihan di Okinawa International Center selama setahun dan ditauliahkan Certificate of Agriculture oleh University of the Ryukyus.

“Sebagai Naib Canselor baru, kementerian berharap beliau dapat memastikan UPM terus memberi fokus kepada isu serta cabaran kecukupan makanan dalam konteks negara dan global,” katanya dalam kenyataan akhbar, semalam.

Sementara itu, Yahaya pernah berkhidmat sebagai Profesor dalam bidang pembangunan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan dijemput menjadi Profesor Pelawat di Ritsumeikan University, Kyoto, Jepun.

Sebelum dilantik menjadi Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi (CEO) untuk syarikat UKM Pakarunding Sdn Bhd.

Mohamed Khaled berkata, kementerian turut merakamkan penghargaan kepada Radin Umar serta Alias atas kepemimpinan dan bakti mereka.